




anak liar records

New release:
'VOICE OF THE VOICELESS'
4 Way Split CD

Liar05: An exotic/international compilation featuring Man In The Shadow (emo 'anarcho' HC from Slovakia), @patia No (anarcho punk from Venezuela), Red Kedge (screaming emo HC from Singapore) and Autonomia (melodic political punk/HC from Peru). They are exotic, unknown, anti-commercial, anti-establishment, etc and more better than other 'sell out' bands out there. Try this!

Still available:

Liar03: GORB/SKM- Malindo Split Cass- heavy, dark, noise, industrial and original from Malaysia and Indonesia.

Liar04: FREE STYLE 2-Do Major Labels Rule Your Style Comp. Cass-featuring 26 bands with 26 songs from all over Indonesia. From punk to HC to ska!

Price: CD (RM12/SD6/USD10) ,Cass: (RM6/SD4/USD4 postpaid). Distros/trades/inquiries, please write to:


MUHAMMAD /12 JLN TASEK 25/BANDAR SERI ALAM/81750 MASAI/JOHOR/MALAYSIA
[Pustakadistro@yahoo.com]

anak liar records





Dogged #4 – Dedicated to the great people who have helped me to be who I am. And? And apa lagi? Yelah-yelah... And for making hardcore a threat again.. shsh.



Rostam, No DU 54, Kg Berchang, 27100 Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang, Malaysia
Kegilaanremaja@yahoo.com


ANAK LA HARAM... YO..OO..OO!!

Ini adalah Dogged isu yang ke-empat dan saya tidak mempunyai fokus yang khusus. Masa tidak membenarkan saya mefokuskan persoalan-persoalan yang khusus kerana saya tiada masa untuk mengkaji dan merumus apa-apa isu yang khusus atau tema yang centrelized. Tambahan pula kepala saya tengah bengap sekarang nie mungkin akibat dari terlalu kerap berfikir sehingga memudaratkan otak saya malah hidung saya turut berdarah-darah hinggakan saya disalahtafsir sebagai 'gore'. Ingat dulu nak cite pasal revolusi perkembangan manusia serta pertembungan idea antara generasi abad ke-20 dan generasi abad ke-21 serta fungsi penghidupan moden dan post-modern serta perbincangan tentang neo-modenisme. Namun disebabkan faktor yang dinyatakan diatas tadi serta kurangnya antibodi terhadap sindrom kurang daya tahan nak tido dan kemalasan, saya pun mengambil keputusan untuk menangguhkan saja fokus/tema berkenaan untuk isu-isu mendatang. Namun saya akan menyentuh beberapa sub topik fokus/tema berkenaan itu akan menjadi sesuatu yang babi jikalau ianya digunakan sehingga mengganggu dan menekan orang lain. Jadilah pengguna yang bijak dan juga politically conscious (baca interview dengan Zaiba dalam Dogged #3). Anda faham sekarang? Oklah mengarutlah pulak. Pepehal take care, I luv ya'll yo yo babaiii. See you next issue hopefully.

Ha ni ha ade skit poem disumbangkan oleh encik Firdaus dari Kota Bharu. Kalau tak silap aku yang buat Elevator to Hell n/l tu. Buat susah-susah ajee..? Tima kasih banyak la. Kim salam kat mak yee..☺

Keamanan?
Langit bisa bergulung
Kerana perseteruan
Lautan bisa bergomol
Kerana permusuhan
Memang aku masih belum mengerti
Kenapa manusia masih berdendam
Berangkah? Amarahkah? Bencikah? Perunguskah?
Sedang anjing boleh makan sepiring dengan kucing
Memberi satu ilham buat perdamaian
Aspirasi alam buat kebebasan
Buat mereka yang masih termangu
Mencari sesuatu
Yang bernama
Keamanan
?
Firdaus, Kota Bharu.





dan kita ada hak ke atas diri kita sendiri. Lastly, being stupid is stupid. Any silly kid would have known that☺. Babai and enjoy reading.

Balik-balik cerita pasal mende ni!!☺

He..he.. aku bukannya apa, aku tak pernah bosan tulis pasal DIY ethics ni. Tak baik tau bosan tulis pasal perkara-perkara baik. Korang pun tau kepentingan DIY ethics ni. Ethics DIY ni ajelah satu-satunya benda yang sangat berharga dan bermakna mengenai Hardcore/Punk. Takde DIY, takde la Hardcore/Punk, yang ada/tinggal hanyalah "pergerakan 'mari-berangan-angan-menyelamatkan-dunia-beramai-ramai-sambil-menolong-kapitalis-dan-diri-kita-sendiri-menjadi-kaya' anak-anak muda sedunia" hahaha... Disini aku hanya nak menyentuh mengenai sejauh mana kita boleh conduct dan carries idea DIY ni dalam hidup kita sebagai punk/hardcore dan hidup kita yang satu lagi tu sebagai mahluk sosial bergelar manusia. Berpegang pada sesuatu idea tu memang nampak macam senang je. Lagi-lagi kalau idea yang senang macam veganisme, atau liberalisme. Bukan susah sangat, apa yang perlu diset dalam kepala ialah, "jangan makan daging, jangan guna product binatang". Namun itupun bukan senang nak buat. Kita senang-senang je nak mencontrol diri dan hidup kita tapi kita bukan hidup sorang-sorang atas bumi ni. Apatah lagi cuba menjunjung idea yang amat komplek dan susah nak maintain seperti idea DIY. Setahu aku tak pernah ada orang yang betul-betul menjaga 'kesucian' idea DIY yang dia kononnya berpegang kuat sangat tu kat Malaysia ni. Sebabnya terlalu banyak yang telah bebudak kita terpaksa berkompromi dan bertolenrasi dengan "the big machines" of the system that we living in. 'Jentera-jentera' mainstream yang telah menggerakkan sistem penghidupan di negara kita ni. Perindustrian percetakan dan sebagainya yang secara tidak langsung berkaitan dengan aktiviti-aktiviti politikal kita di dalam scene. Di dunia ini tidak ada pergerakan DIY yang ideal. Macam Kent McLard cakap, apa yang bebudak dedicated sekarang buat cumalah "trying to make green". Maksudnya walaupun kita tahu kita dah terlalu banyak meng-screwed-up DIY ethics dalam usaha kita untuk memartabatkan idea DIY itu sendiri, tapi kita terpaksa teruskan jugak kerana kita dah tak tau nak buat macam mana dan tiada pilihan lain. Dalam Dogged#2 saya ada menyebut DIY telah menjadi semakin moden sehingga kita terikut-ikut cara mainstream mencapai penerima. Memang benar. Punk awal 70an dulu

Walaupun pada hakikatnya manusia saling membantu dalam kolektifnya namun terdapat individu yang berdaya maju yang merebut peluang yang terhad dalam 'hidup'. Dan pastilah ada individu yang kurang 'berdaya maju' tercicir dan left out. This 'jungle law' also wujud dalam scene hardcore/punk. Walaupun jika terdapat individu atau band di dalam scene yang 'berdaya maju' namun mereka bukanlah 'bersaing' sebaliknya developing namun hakikatnya, tiada beza pun sama ada kita 'bersaing' atau 'berkembang'. Senang cite/ dalam erti kata lain, "kita memang bersaing pon☺ Hakikat itu kita terpaksa terima walau sepahit manapun☺ Namun 'persaingan' di dalam scene ini merupakan 'persaingan' yang sihat. Begitu juga dengan kebanyakkan 'persaingan' dalam kehidupan biasa. Bagi orang biasa 'berjaya dalam hidup' (ada kereta besar, pangkat besar, gaji besar, rumah besar, besar kepala☺) merupakan perkara yang menjadi impian dan kemestian setiap manusia. Dalam scene pula kita tidak melihat perkara tersebut sebagai 'berjaya dalam hidup' tapi semua itu ialah pendapat masing-masing. Soalnya sekarang tidak kira sama ada dalam scene atau luar scene, kita semua mahu 'berjaya dalam hidup' (dan saya percaya kebanyakkan punk berpendapat jika seseorang itu mencapai kebahagiaan dan kepuasaan dalam hidupnya tanpa unsur materialistik, dia sudah 'berjaya dalam hidupnya'). Dalam kehidupan mainstream wujudnya golongan 'berkuasa'/established dari kalangan mereka yang 'berjaya dalam hidup' (mengikut definasi bodo masyrakat mainstream tersebut) yang menekan golongan yang 'kurang berjaya dalam hidup' (juga mengikut definasi bodo masyarakat mainstream tersebut). Dan kerana masyarakat mainstream sangat ignorant dan unethical macam kita bebudak punk/hardcore, banyak 'persaingan sihat' mereka menjadi 'tidak sihat'. Dan secara tidak langsung kita pun terlibat sama sebab kita juga hidup dalam 'sistem' diorang. Semua orang 'berjuang' dalam hidupnya untuk 'survive'. Maksud 'servive' dalam kehidupan ni ada macam-macam, untuk diterima, untuk selamat, untuk ketenangan etc. Biasa la hidup. Sebab itu ada orang kata "pandai-pandai la nak hidup". Ada orang jenis tak pedulikan orang dan apa yang orang pikir (punk la ni☺), tapi itulah cara dia 'survive' dalam kehidupan. Agaknya dah memang peraturan universe dalam kehidupan manusia pasti ada dua golongan manusia yang saling bersaingan sama ada untuk menuntut 'hak' mereka atau memperluaskan 'penguasaan'. Dan manusia yang 'berdaya maju' seringkali berpendapat bahawa mereka mempunyai hak yang lebih berbanding dengan manusia yang 'kurang berdaya maju', setimpal dengan pencapaian mereka. Barangkali ada betulnya jugak, it's a competitive world out there. There's a winner and when there's a winner, there's bound to be a loser. Sungguh sial bukan?☺ But in punk/hardcore we try our best to make everyone a winner because we

are all, the only peoples who CARE and at the same time kita juga berlumba atau berusaha gigih memajukan diri. Melihat kepada kredibiliti punk/hardcore, punk/hardcore boleh melakukan apa sahaja dalam batasan jangkauan imaginasi manusia dan batasan etika/human/living things rights. Punk mempunyai 'skill' untuk survive yang paling ideal sekali kerana kita adalah golongan minority yang ditekan oleh golongan majority yang established. Golongan yang ditekan akan develop bermacam cara dan skill dan pertahanan diri untuk survive dan resistance. Kita akan menjadi golongan yang 'licik', 'cunning', 'witty' dan the most passionated and spirited with our 'struggle'. Golongan yang established pula tiada satu skill yang 'best' pun untuk mempertahankan kedudukan mereka kecuali dengan perkara-perkara yang tak best dan bodo seperti 'undang-undang', 'authority', paksaan, tekanan, pujukan tak malu, dan brain washing. 'Skill' kita lebih kreatif kerana punk/hardcore ialah sekumpulan manusia yang kreatif dan expressionist yang tugasnya ialah untuk menyentuh hati dan memberi effect kepada manusia dengan keikhlasannya. Golongan established/mainstream tak mampu 'menyentuh hati' kerana apa yang mereka 'perjuangkan' ialah kepentingan diri dan ketamakan semata-mata. Sementara apa yang kita punk/hardcore cuba lakukan ialah sesuatu yang sangat sweet dan best. Jika hendak difikirkan 'tarikan' punk/hardcore itu sendiri terlalu kuat dan besar pengaruhnya jika digarap dengan betul. Antara skill punk/hardcore untuk 'survive' yang paling kreatif dan best ialah etika DIY kita, cara kita memandang kedudukan dan hak seseorang dan cara kita berfikir dan meluahkan sesuatu. 'Punk' yang best adalah punk yang kreatif dalam expressionnya. Punk yang lame pula ialah punk yang tidak 'berdaya maju'. Sebagai contoh, cara Robin Hood dalam mencapai matlamat perjuangannya amat kreatif (rob the rich, give it to the poor). Kita pun boleh buat seumpama itu untuk survive. Betul tak kidding, kita boleh 'tipu' major label☺. Kita boleh 'kenakan' authority dengan cara yang paling kreatif dan witty sekali yang boleh kita pikirkan. Kita boleh outsmart the system. Kalau kita gunakan cara/skill bodo mainstream untuk 'reach the masses', sama la kita jadi bodo dan tak kreatif macam mereka. Kalau kita berfikir dan menggunakan skill survival macam society punya, kita pun sama la bodo dan tak bestnya dan tak kreatifnya macam society☺. It's that simple. Sebagai penutup artikel ini, saya ingin merumuskan; kita hidup dalam dunia yang bersaing maju, semua orang ingin 'maju' mengikut acuan masing-masing dan itu merupakan hak dan pilihan mereka tidak kira apa. Dan skill-skill mereka untuk survive adalah terpulang kepada mereka sendiri sama ada mereka mahu menggunakan skill yang betul atau salah. Everybody have their own problems so jangan terlalu cepat melatah untuk judge seseorang dan

ni saya mula layan muzik yang ada unsur techno dan electronic. Saya mula dig old stuff from Bestie Boys, Gorillaz!, old stuff from Red Hot Chili Peppers terutama lagu-lagu mereka yang ada part vocal rapping-rapping tu dan banyak pengaruh techno/ electronica tu. Selain tu saya layan jugak lagu-lagu old school hip-hop stail cam Too Phat tu, tapi saya tak layan hip-hop yang 'new-school' sekarang cam stail Eminen, ntah la tak boleh masuk, gangsta' sesangat kot. Lagipun saya suka muzik yang ada mesej. Dan saya sekarang tengah sibuk mencari stuff-stuff electronica/digital hardcore cam Atari Teenage Riot dan etc. Hari tu saya ada jumpa address dan list sebuah label yang distribute band-band digital hardcore/noise ni tapi hilang la plak. So jikalau sesiapa tahu label-label yang carry stuff-stuff techno/digital/electronica tak kira la rapping ke, thrasy ke, noisy ke, hardcore ke, janji digital/electronica/techno sila kontek saya dengan kadar segera.

Ya saudara-saudari sekelian, begitulah pengaruh dan peranan muzik dalam pembentukan karektoristik seseorang. Sapa cakap muzik itu tak penting. Otak saya pun ade part music-minded gak walaupun saya ni nampak je cam political sangat (kononnya..). Although I'm not much of a records collecter. Kalau nak tau saya tak pernah mailorder sebarang release dari dulu sampai sekarang. Kebanyakkan stuff saya beli kat gig ataupun secara face to face dengan tuan punya distro atau band. Lagipun saya lebih banyak mengambihkan duit beli bahan bacaan dari bahan dengaran.

Okay, saya rasa dah melampau giler babeng dah panjangnya editorial ini, so saya akhiri dengan sedikit pesanan. Kita semua dah besar panjang, pandai-pandai la mengatur hidup. Dunia punk/hardcore ni pun bukanlah segala-galanya dalam hidup. Apa yang punk/hardcore terapkan dalam diri kita ialah pentingnya pengetahuan itu dan sedikit kesedaran moral dalam diri kita (please understand that the definition of 'moral' dalam hc/punk is sangat berbeza dengan the 'definition' of moral dalam masyarakat yang sempit pemikiran tu). So jangan lupa itu, be the best of yourself, not be yourself. Dalam usia saya yang 19 tahun sekarang ni, saya masih lagi seorang remaja yang lepak-lepak tak tentu hala macam takde masa depan. Tapi saya tahu potensi diri saya dan saya tahu bagaimana nak menyalurkannya dan menggunakannya. Iaitu bukan untuk perkara bodoh demi kepentingan manusia bodoh tapi berkuasa kat dunia ni, tapi untuk apa yang saya suka dan mahu lakukan

sedap hati untuk dibuat seperti exclusive distribution, distribute kat major store yang menekankan penggunaan bar code dan bekas-bekas CD perlu dibalut dengan plastik pembalut tak guna macam kat kedai kaset tu etc. Mereka terpaksa kerana nak harapkan jualan secara money order memang alamatnya dua-tiga hari tak makan la mereka jawabnya. Tetapi tidak boleh dinafikan barangkali mereka ini juga sememangnya dah gile nak jadi kaya dan juga takde semangat hardcore/punk DIY yang kuat ataupun memang tak pernah ada. Walaupun scene mereka maju, usaha memaintainkan DIY itu juga menjadi semakin rumit. Konsep DIY terpaksa disesuaikan dengan keadaan semasa scene dan tak lupa juga 'keperluan' pengguna. Kita ialah pengguna for fuck sake! Dan penggunalah yang mengawal keadaan 'pasaran' dan aktiviti di dalam scene. Pengguna jugalah yang mengada-ngada banyak sangat demandnya. Dah la demand lebih-lebih, tapi nak bende murah je, pastu kuat rip-off! Hampir tiap-tiap hari di Malaysia ni bebudak punk rip-off distro dan label DIY. Memang la sekali-sekala, dua –tiga kali je seumur hidup tapi kalau campur semua punk yang melata kat bumi ni? Cuba fikir, tokey balak pun boleh bankrupt. Bukan nak tolong label-label grassroot DIY ni dengan ikhlas. Sementara 'usahawan' punk/hardcore DIY ni terpaksa akur dengan situasi dan kehendak pengguna jikalau tidak 'bisnes DIY' mereka takleh jalan. Nak keluar vinyl memang murah dan aku sangat support vinyl tapi kat Malaysia memang susah nak dapat lagipun orang 'moden' dah tak guna vinyl. Tape pun best dan murah. Tapi sekarang bebudak mengada-ngada nak CD ataupun label-label DIY berebut-rebut nak release CD sebab 'nampak best' kot. CD pada aku memang kontroversi. CD mahal dah tu pulak proses productionnya pun memang kontroversi gak sebab penghasilannya memang banyak dikawal dan dikuasai oleh "banjingan-banjingan yang tak pikir apa kecuali nak duit" corporate businessman, mereka sebenarnya yang untung lebih, lagi-lagi la bila buat 'CD haram'. Packaging CD pun satu hal. Kelebihan CD hanyalah ianya senang dibawa kemana-mana, boleh muat banyak lagu, sound kualiti terjamin, setahu aku itu aje. Memang la CD DIY lagi murah dari CD kat Tower Record tapi macam aku cakap ianya kontroversi skit jika dinilai dari aspek DIY corporate-free anti-capitalisme. Tapi bebudak Malaysia ambik tau ke pasal mende ni? Sekurang-kurangnya scene-scene besar di negara-negara dunia pertama tu ambik sesangat berat benda-benda 'remeh' cam ni. I like that's, sekurang-kurangnya bebudak mereka sedar akan hal dan situasi tersebut. Benda-benda 'remeh' pun kalau dibiarkan boleh menghancurkan dan mengkorupkan idea DIY. Memang aku akui kita takleh buat ape-ape, CD masih merupakan alat yang berguna, cuma kita ambik tau pasal perkara yang aku bebelkan kat atas tadi. Itu je, itu pun sudah cukup. Kita terpaksa terima hakikat bahawa scene berubah, idea DIY juga berubah, semakin moden dan komplek. Dalam erti kata lain, DIY sudah 'success', sudah berjaya mengukuhkan kedudukannya. Label-label DIY seluruh dunia sudah mampu mengeluarkan release-release yang berkualiti tanpa banyak masalah. Namun 'kejayaan' itulah merupakan musuh utama DIY. Kent Mclard sendiri pun mengaku, apabila label dan distribution DIYnya sudah 'terlalu berjaya' suatu hari nanti, dia bimbang dia akan burn-out dan mungkin akhirnya terpaksa menghentikan label dan distronya terus bagi menyelamatkan keadaan dan idea DIY itu. Contohnya banyak zine dan label yang bagus terpaksa stop seperti Profound Existence kerana mereka telah 'terlalu berjaya'. Oleh itu kesedaran dan pemikiran kita juga haruslah seiring dengan perkembangan dunia DIY masakini sekarang (dah masakini, sekarang lagi). Harap anda paham apa yang saya cuba sampaikan. Sekian terima kasih, sila kunjungi lagi.

Sedikit nota tambahan

Idea mencetak harga pada sleeve kaset atau CD atau pada vinyl atau pada cover zine memang bagus dan bijak dan perlu diamalkan pada setiap product DIY punkhardcore. Kalau lagi besar dari tajuk release tu pun lagi baik☺. Sebab jika sekarang kita sudah mampu meletakkan barangan keluaran DIY kita terus kepada kedai-kedai biasa untuk dijual tanpa melalui orang tengah (bukan Tower Record, tu dah kira besar sangat, kedai-kedai keset amoi tepi-tepi jalan ok la☺), sekurang-kurangnya pembeli atau orang ramai akan sedar harga sebenarnya yang kita telah tetapkan untuk barangan kita itu. Jika sesetengah store atau kedai menggunakan bar code sebagai tanda harga sebab senang mereka nak kira dan check harga –scan saja dengan lazer, takpelah, ikut je la, nak buat camna. Suruh aje dia tampal sendiri sticker barcode pada bekas release tu kalau dia nak sangat, kita takyah kuar modal lebih nak membuat sticker tu. Kalau dia taknak pastu dia reject barangan kita dari kedai dia, lantak la, padan muka kita☺ Kalau kita bebetul komited pada scene kita patut boleh pikir mana penting, prinsip atau duit. Lagipun banyak lagi cara kita boleh jual kat pembeli. Jual kat gig ke, mailorder ke, atau lagi ganas buat 'direct selling' pegi jual terus kat rumah-rumah bebudak punk sekor-sekor kalau kita bebetul nak haha!☺ Tapi kalau pemilik kedai tu kata "ok takpe, kitaorang boleh tolong buat barcode sticker dan tampal kat stuff korang" lepas tu dia pegi tampal barcode yang harga standart pasaran mainstream yang RM18.90 satu kaset tu (konon nak ambik untung lebih la tu, nak tipu kita la tu kononnya, kita dah


bagi komisen 60% pun tak cukup lagi, budget kita tak tau la berapa sebenarnya harga kat sticker barcode tu, ye lah, dah garis-garis je, bukannya nombor, manala kita tau kann?☺) dan misalannya kita pun betul-betul la tertipuu. Tapi sekurang-kurangnya ada tertulis harga kat cover stuff kita tu, takkan diorang nak padam satu-satu harga tu, dah melekat kat cover. So bila ada orang beli stuff kita tu, pastu dia pegi la kat kounter nak bayar. Pastu tokey kedai tu pun scan la barcode tu dengan laser dan tertera la kat screen cashing machine 'RM18.90', mesti pembeli tu terkejut beruk lantas berkata "18 ringgit 90 sen?!! Apsal mahal sangat? Ni kat cover ni tulis 'do not pay more than RM5.00'? Camne ni? Nak tipu orang ke ha?! Cekik darah ke ha?!" marah pembeli itu pada tokey kedai tu. Tokey kedai tu pun akhirnya terkantoi dan terpinga-pinga macam monyet nak cover malu, dah tak tau nak cakap ape☺. Kalau pembeli tu tak jadi beli stuff kita tu pun takpe la, sekurang-kurangnya dia tolong sound tokey kedai yang cibai tu untuk kita. Kalau pembeli tu kenal kita ntah-ntah dia pun bagitau kat kita tentang penyelewengan tokey kedai tu. Pastu pandai-pandai la kita camne nak settle ngan tokey kedai tu. Betul tak?☺ So sekianlah cerita saya tadi. Harap anda semua fikir tentang apa yang saya cuba sampaikan. Print harga kat sleeve/ cover zine, jangan tak print, kalau boleh buat lawa-lawa. Tak pun lagi best buat je terus tajuk album tu "Kaset Murah, Sebenarnya RM5.00 Je, Jangan Tertipu"☺. Ok? Babaiii - stam

" wei wei, ni ni ada orang tepon ni, wei, angkat la gile"

Pernahkan anda berpendapat mengenakan hukuman kepada orang yang bersalah merupakan satu kesalahan? Maksud saya bukankah 'tugas' atau 'hak' tersebut terletak pada orang yang telah dianiaya pesalah tersebut serta orang yang telah dipertanggungjawabkan oleh si mangsa untuk menuntut keadilannya? Adakah anda bersetuju dengan keadilan dalam menuntut 'pembalasan'/'keadilan' tersebut seperti si pesalah mempunyai hak untuk membela diri dan mempertahankan diri, seperti mana juga si mangsa mempunyai hak untuk membalas? Bagaimanakah anda melihat erti 'pembalasan yang setimpal'? Semua persoalan ini ada kaitan dengan apa yang saya akan bincangkan dibawah. Maksud saya disini ialah; hidup manusia sekarang macam perumpamaan 'it's a jungle out there, everybody is trying to survive'. It's a 'dog eat dog' world. Kekadang orang buat jahat kat kita kerana terpaksa untuk 'survive'. Ini ialah realiti kehidupan. Walaupun 'realiti' tersebut tidak seharusnya begitu kerana manusia boleh mengubahnya tetapi ianya bukanlah perkara mudah (untuk 'mengubah' realiti tersebut) kerana manusia merupakan mahluk yang sentiasa berkembang, developing dan juga competitive. In order dalam proses perkembangan manusia itu, hukumnya, manusia akan menjadi satu masyrakat yang competitive.

mempunyai idea DIY yang mudah. Reject the mainstream way totally. Sebab itulah product DIY mereka amat raw lagi chaotic. Record yang recording macam cibai dan cover photostat, zine pun photostat and cut'n'paste mayhem punya stok. Punk zaman sekarang telah berkembang dan begitu juga dengan idea DIY. DIY tidak bermaksud bahawa sesuatu product keluaran hasil DIY itu seharusnya macam cibai. Kita ingin buktikan bahawa kualiti product DIY juga boleh setanding dengan kualiti product lain di pasaran tetapi dengan harga yang jauh lebih murah. Dan kita ingin buktikannya kepada masyarakat luar bahawa terdapat cara alternative kepada sistem kapitalis mainstream untuk mengeluarkan record dan percetakan yang setanding dan tinggi kualitinya tetapi murah gila babi! Tetapi, kebanyakkan kita tidak sedar, di dalam mencapai hasrat itu, kita telah terlalu banyak berkompromi dengan dunia kapitalis mainstream dan major company. Kita bernasib baik kerana kita berada di negara dunia ketiga. 'Kemudahan' dan 'eccesibility ' dan 'privilage' kita dalam menghasilkan product-product DIY yang lawa-lawa ni masih terhad. Scene hardcore/punk di Malaysia masih terlalu kecil dan mentah jika hendak dibandingkan dengan scene di Amerika dan Eropah. Di Amerika, bagi punk-punk/hardcore yang terlalu dedicated dan komited terhadap punk/hardcore, mereka telah menaruh sepenuh kehidupan mereka terhadap punk/hardcore. Sebab itulah mereka menubuhkan distro dan label DIY yang mereka 'usahakan' sepenuh masa dan merupakan satu-satunya punca 'pendapatan' mereka. Punk/hardcore adalah hidup mereka! Kita di Malaysia ni tak tahu macammana rasa terseksanya mereka-mereka yang dedicated ini untuk meneruskan hidup tetapi masih lagi mengekal dan menegakkan prinsip DIY. Mereka dah takde punca pendapatan lain. Nak kerja kat bank atau kilang kasut? Jangan harap, kerana mereka PC dan radical! Oleh itu kebarangkalian mereka untuk sell-out amat tinggi. Bagi mereka yang tabah dan cekal mungkin akan terus berjuang sampai mati. Bagi yang dah tak tahan atau burn-out atau tertekan atau terdesak, mereka mungkin akan jatuh kepada syarikat major. Di scene-scene yang besar dan maju seperti di Amerika, bermacam-macam kontroversi telah timbul dalam isu DIY dan tidak kurang berbagai-bagai perkara mengenai DIY juga terpaksa dikompromi dengan syarikat major. Disebabkan scene disana maju dan DIY 'business' mereka telah berkembang serta mereka bergantung kepada DIY 'business' mereka untuk cari makan, mereka telah melakukan beberapa perkara yang tak

rabak tak rabak, kental tak kental, habis semua saya belasah. Janji lagu tu sedap dan membuatkan menimbulkan 'imej' hardcore tu pada perasaan saya, tough guy ke, youth crew ke, brat's punk ke, tak kiralah apa dan saya memang dari awalnya lagi straight edge. Janji 'hardcore' sampai mati☺. Masa tu memang best giler, hardcore giler. Saya sentiasa menghargai 'perasan' 'feel' yang saya rasa ketika zaman itu. Biasa la, di awal usia remaja, bebudak sekolah. Hidup takde masalah lagi, makan-minum mak bapak tanggung, tanggungjawab tak berat lagi cuma dok sibuk pening kepala pikir masalah dunia je☺. I'm not much into punkrock though (dan other genre also like grind/crust/noise) mungkin sebab kerana terlalu keter-hardcore-an sangat saya diawal pembabitan dulu. Dulu pun banyak layan alt-rock, indie rock/punk/pop yang orang masa dulu panggil muzik 'alternative' sebelum kenal hardcore/punk. Saya memang an all time lover of indiepop dan setahun yang lepas (2000) yang saya kira merupakan zaman 'depression' saya. Biasa la first time bercinta dan baru tau camna rasanya jadi loner keh keh☺ So masa tu layan emo tak habis-habis, smiths, mineral, coldplay, radiohead, travis, stone roses, mainstream ke tak, lagu sheila on7 pun saya bantai, habis semua layan, janji boleh 'membelai' perasaan jiwang masa tu. Melancholic pun ade☺. Dan saya rasa saya masih memerlukan band-band 'indah' ni sepanjang hidup saya. Lepas tu jiwa saya kembali mengganas apabila terpikat dengan 'ke-witty-an' trashcore/ power violence dan attitude mereka yang gila but intelligent. Terutama sekali band Charles Bronson. Memang sesuai dengan jiwa brat's punk saya yang masih wujud sehingga kini. Dan yang latest sekali sekarang ni biasa la, mungkin akibat terpengaruh dengan persekitaran (what a conformist eh?☺) saya mula minat 'hip-hop' haha! Tapi saya kira ini satu perkembangan yang sihat kerana saya memang selalu inginkan perubahan dan tidak mahu lekat dengan satu benda tu lama sangat, nanti lama-lama ia jadi 'lame'. Sebenarnya saya bukan minat lagu hip-hop tu tapi saya minat dengan muziknya yang menggunakan hampir semua jenis sound instrument-instrument yang wujud kat planet ni dalam muziknya terutama yang sound elektronik-elektronik tu. Saya sekarang



Tugas rasmi di ...
A. 8 jam atau lebih
B. 12 jam atau lebih

menghukum mereka dengan kesalahan mereka. Kerana kita semua pernah buat salah dalam hidup kerana itu adalah perkara lumrah dalam kehidupan yang penuh persaingan ini. Fikirkanlah... Selamat Hari Gawai dan selamat menjalani kehidupan, dengan bijak dan kreatif dan ethical dan caring dan punk/hardcore☺

"Sial la, wei! Jangan la main-main, dia ke yang tepon tadi wei? Cakap la babii. Apsal ko tak cakap kat aku tadi? Habis la aku..."

Jadi seorang pelajar jurusan Landscape architecture memang payah. Lagi-lagi la apabila kita seorang punk/hardcore. Setahu aku dalam bach aku aku sorang je punk. Tak pernah pun terlintas dalam hati nak jadi seorang student landscape. Memang la masa isi borang UPU dulu tulis second choice selepas architecture heheheh tapi apakan daya menjadi seorang lepasan sekolah teknik memang jurusan yang aku boleh ambik adalah terhad. Tak lari dalam semua kursus yang berkaitan dengan engineering dan architecture dan planning. Boring kan? Tak satu pun menjamin karier yang akan membantu dalam menolong orang yang susah atau berkaitan dengan minat aku terhadap seni, literature dan art movement seperti doktor ke, peguam ke, penulis ke, artis ke, cikgu ke, saintis ke, bomba ke☺. Sesuatu karier yang boleh membuatkan aku feel good about myself dan menjadikan hidup aku bermakna. Maksud aku, ape yang punknye jadi architect? Hanya orang kaya dan berada je yang mampu 'membeli' hikmat seorang architect landskap. Orang kelas bawahan takde kerje nak mengabihkan duit mengupah architect untuk design landscape rumah diorang, buat sendiri lagi puas hati. Ni nak mengada-ngada mintak 'profesional designer', 'consultant', penasihat 'pakar'. 'Pakar' konon. Ah, dunia commercialism dan status quo. Kekadang manusia ni boleh jadi bangang. Ni la masalahnya apabila wujudnya status 'profesional', amatur atau beginner. Pada pendapat aku bakat tidak perlukan pengiktirafan, terpulang kepada individu itu sendiri untuk membina reputasinya. Itu pilihan dan hak individu. Habis tu apsal 'pakar panjat pokok kelapa' tidak diiktiraf sebagai golongan profesional dan bermacam lagi 'pakar' dalam masyarakat common people. Walaupun bidang landscape architec ni ada kaitan sikit-sikit dengan 'seni' dan expression tapi ianya tidak sebebas pure art movement. Artistic freedom aku dalam mendesign akan dibatasi dengan 'kos', kehendak 'klien' (abih tu apsal upah architect? ngegada! Nak status. Bodoh!), faktor persekitaran, keselamatan dan berbagai lagi. Dulu memang ada aku nak tukar course tapi banyak sangat cengkadaknye aku pun jadi malas. Alang-alang dah hampir setahun aku belajar course ini baik teruskan. Tapi bidang architect landscape ni takde la teruk sangat kalau nak dibandingkan dengan bidang architecture lain heh☺. Aku belajar botani, horticulture, urban sociology, soil science, forestry, plant protection dan berbagai lagi ilmu tumbuh-tumbuhan. Secara tidak langsung seorang architect landscape akan lebih mengenali dan rapat dengan alam semulajadi. Seorang architect landscape bukan hanya mengdesign landscape semata-mata tetapi dia mencipta surrounding yang would make people appreciate nature dan sebuah

surrounding yang menyenangkan dan menenangkan hati orang. I can create beauty from the surrounding –at least that what I think, jika kreativiti aku itu tidak disekat oleh faktor-faktor commercialism dan status quo yang aku sebutkan tadi. Mungkin itulah satu-satunya perkara yang 'political' dalam karier sebagai architect landscape ini. Then I can always write books about beautiful landscape and places and sell to those losers who need my 'service' and made million would I?☺ Then aku pun terfikir, kekadang kita semua memang ada cita-cita tapi tak kesampaian dan takde peluang. Lebih-lebih lagi kita punk/hardcore ni kalau boleh nak la buat satu pekerjaan atau mempunyai karier yang in line dengan struggle kita dan bermakna ye tak? Takkan la seorang punk jadi pengurus bank? Sedihh je kita dengar. Kalau boleh kita semua nak jadi macam Chris Jensen tu yang jadi cikgu sekolah tinggi, Teo Witsell yang jadi seorang biologist, that punk guy called Adik yang bakal jadi doktor, Natahn Berg yang jadi salah seorang city council untuk pekan kecilnya, terlibat sama dalam pentadbiran dan dia berpeluang menerapkan idea punknya dalam city council. Macam Kevin Zelk yang jadi counselor untuk pusat kebajikan kanak-kanak homeless tu. Atau macam seorang editor oversea tu yang jadi traveler dan hanya melakukan kerja cuci pinggan. Diorang semua happy je dengan hidup masing-masing. Mereka jumpa matlamat mereka dalam hidup dan karier pilihan hati mereka yang sangat 'political' dan punk itu. Mereka seronok menulis dan berkongsi pengalaman dan pengajaran hidup yang mereka perolehi melalui karier mereka yang 'political' dan punk itu. Bagi mereka yang memilih untuk menumpukan sepenuh masa untuk aktiviti dalam scene tu lain citer la, memang best giler pon tapi lain citer la☺. So aku pun terpikir since maksud 'political' itu merangkumi semua aspect dalam kehidupan, so aku rasa tak jadi masalah kalau kita bebudak punk/hardcore untuk bersikap political dan social conscious dalam setiap karier kita. Cuba 'politicalize' dan 'socialize' karier kita (macam aku buat). Contohnya walaupun misalan kita ditakdirkan jadi perdana menteri ke 43, cuba terapkan political dan social consciousness dalam etika kerja kita. Terapkan etika dan pemikiran punk kita dalam kerja kita disamping cuba ambil pengalaman dan pengajaran yang berguna yang kita perolehi dalam tugasan seharian kita itu yang menjadikan kita manusia punk yang 'kaya' dan kalau boleh kongsilah pengalaman dan pengajaran kita itu dengan fellow punk kita. Kerana itulah what is all about being punk dan kenapa punk/hardcore itu sangat best. Secara tidak langsung tindakan kita itu mampu memberi kesan terhadap society dan rakan sekerja kita yang tidak punk apabila mereka terperasan 'kepelikan' dan 'ke-punk-an' dan 'ke-best-an' cara kita bekerja itu. Serta kita juga membantu serba-sedikit (on a small scale) dalam struggle kita dalam punk/hardcore. Tidak semestinya kita kena pilih karier yang 'profesional' (tetapi we have to admit knowledge is power and interesting and punk shouldn't neglects it, instead chase it). Jadi drebar bas pun punk jugak apa? Lagi punk sebenarnya kerana jadi drebar bas kita memberi bantuan kepada orang untuk travel, mengurangkan kenderaan di jalanraya (kerana orang semua naik bas dan secara tidak langsung kita membantu dalam mengurangkan pencemaran udara akibat asap dari kenderaan). Jadi drebar bas juga tidak membantu secara direct kapitalist jahat macam Nike (dah kerje drebar bas, bukannya kerja CEO Nike, takde kaitan pon☺). Kerja drebar bas juga kita boleh jumpa macam-macam

menggambarkan keperibadian seseorang yang intelektual. Main gitar bagi saya tidak menggambarkan keperibadian intelektual seseorang itu walaupun dia sangat berbakat main gitar kerana saya 'tak nampak' dan tak tau lagi camna 'nak nampak', bukan mata saja tapi hati pun. Lagi-lagilah lagu punk/grind/noise/crust yang memang 'tak perlukan bakat' untuk dimainkan. Melainkan lagu itu sememangnya 'beautiful' dan kreatif, itu mungkin sedikit menggambarkan keperibadian sesuatu band itu yang menarik dan intelektual. Sebab itulah agaknya saya lebih banyak mengagumi/ 'memuja' band indie yang sawan dan band yang soundnya lebih original. Maaf jika penyataan saya tadi menyinggung mana-mana pihak, namun saya tidak dapat menipu diri sendiri dan sememangnya itulah yang saya rasa dan saya cuba simpan perasan tu hinggalah saat anda baca zine saya ini ianya terluah jua akhirnya. Maaf sekali lagi. Saya sedia berbincang kerana ia membantu saya mengenali anda dengan lebih dalam dan rapat.

Dan sekarang pun saya dah tak tau camna nak buat dengan 'polisi' saya ni tentang interview dengan band serta pasal biografi band tu. Mungkin satu hari yang terdekat ini nanti saya terpaksa berlembut hati dan memberi peluang kepada 'penggiat seni muzik' bawah tanah ni. Lepas ni mungkin beberapa isu mendatang saya akan interview semula band-band dan meletakkan biography mana-mana band dalam zine saya. Tambahan, saya rasa saya tidaklah se-radikal dan se-PC (uweekk!!☺) seperti dahulu. Namun buat masa ni saya masih lagi selesa dengan hanya menemubual editor-editor sahaja. Editor yang saya suka dan nak berkenalan☺. I want to tell people these are the great people who I admire and I think deserve the right to earn their respect from us. Minta maaf sekali lagi kerana terlalu banyak faktor yang tak dapat saya tuliskan buat masa sekarang kenapa saya lebih suka interview zine editor dari band. Macam saya nyatakan tadi, ia berkaitan dengan soal keperibadian. Each zine reflects what is inside a person while I don't see much of an inside of a/any person reflected when they being in a band and I don't just go about interviewing anybody. I pick them up by certain judgementality. Tolong faham.

Selera muzik saya juga telah berubah sekarang. Biasa la, ikut trend, kalau tak, tak 'cool' kahkahkah☺. Dulu saya memang lahir dalam generasi 'hardcore kental'. Saya tak kira la new school ke, old school ke, Earth Crisis ke☺, metalcore ke, emocore ke, rapcore ke, funcore ke,

keperibadian mereka. Band bukanlah individu, ianya terdiri dari beberapa orang yang berbagai ragamnya. Tambahan pula line-up-line-up band kurang menulis atau contribute pada mana-mana zine berbanding zine editor. Dalam erti kata lain, saya kurang mengenali keperibadian mereka daripada editor zine. Jikalau salah seorang line-up band tu juga merupakan seorang zine editor, balik-balik dia jugak yang tolong jawab interview untuk band dia, sebab apa? Sebab dia juga adalah editor. Kerana line-upnya yang lain menaruh kepercayaan kepada dia untuk mewakili mereka dan menjawab soalan interview itu dengan baik sebab mereka yakin dengan idea dia sebab mereka kenal dia melalui penulisannya dalam zine dia. Saya pun berperasaan macam line-up band tu jugak. Hendak paham keperibadian sesuatu band itu bukan melalui liriknya sebab lirik itu terlalu banyak kias-kiasnya, poetic dan subjective malah terlalu simple, tak direct dan in-depth macam penulisan dalam sesebuah zine. Kita mungkin cuma dapat mengagak idea sesebuah band itu melalui liriknya secara 'kasar' dan suficial. Kalau saya interview band atau jika saya baca interview dengan mana-mana band, selalunya ia end-up with the question "what's band which influences you" atau "how many release/gig you've done"? I mean what shit would I know about them with that kind of question or moreover, what would I care? Melainkan interview itu cumalah untuk tujuan utamanya ialah muzikal dan sedikit sahaja menyentuh soal political dan personal hanya sekadar untuk 'menyukupkan syarat'(?). Saya tak suka interview yang macam ni, ianya seolah-olah cenderung kepada interview untuk memuja atau menjadikan band-band ni seolah-olah 'rockstar'. Bands are more likely to give an image rather than zine which more likely would give readers what it intended to give. Berbeza pula dengan interview dengan zine editor, interview tersebut bukan jenis 'rockstar' punya interview sebaliknya tidak kiralah sama ada editor zine tu power gile ke atau otai nak mati ke atau tidak, soalannya tetap seolah-olah mahu menghentam dan 'menyoal-siasat' editor-editor ni berdasarkan penulisan dan isi zine mereka. Saya sangat suka interview jenis yang macam ni dan inilah yang saya cuba lakukan. Interview jenis macam ni memang jarang orang buat pada band-band, saya tak tau kenapa, mungkin sebab seperti yang saya sebut tadi, tak tau nak tanya apa takut diorang takleh jawab dengan sebaik-baiknya. Mungkin juga salah satu faktornya saya sudah tidak mahu menemubual mana-mana band lagi mungkin kerana secara peribadinya saya berpendapat band-band tidak mempunyai bakat penulisan yang

Hotmail Inbox

> 3. HOW MUCH IS TOO MUCH FOR FRIENDSHIP? = when u are no longer able to rationalize and analyze properly for the sake of friendship
> [illegible] MUCH FOR LOVE? = when it makes

jenis orang dan ragam manusia dari masyrakat yang terdiri dari common ordinary people. Dan ianya dapat mengajar kita tentang erti kehidupan apabila melihat ragam manusia ini disepanjang perjalanan bas itu dan mana tau kita boleh jumpa great people yang berfikiran best dan similar to punk dalam masyarakat yang terdiri dari common ordinary people ini. So do and please learn and found ways how to politicalize and socialize your work and then is when you can love your work and make your work meaningful rather than just plain routine. Work isn't suck after all isn't it?☺

and don't forget the worker's union☺



AGAINST INTERNAL SECURITY ACT (A.I.S.A)

